



## **KENYATAAN AKHBAR**

**Untuk Siaran Segera  
5 Mei 2023**

### **PNB MENGUMUMKAN PERSARAAN Pengerusi Kumpulan, TUN ARIFIN ZAKARIA**

**KUALA LUMPUR, 5 MEI 2023** – Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan persaraan Tun Arifin Zakaria sebagai Pengerusi Kumpulan PNB dan Pemegang Amanah Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB) berkuat kuasa 6 Mei 2023, selepas menamatkan penggal perkhidmatan dua tahun.

Tun Arifin, yang dilantik sebagai Pengerusi Kumpulan PNB pada 2021, telah memainkan peranan penting dalam mengukuhkan tadbir urus syarikat. Di bawah kepimpinan beliau, PNB telah membangunkan rangka kerja dalaman bagi menilai pengarah dan ketua eksekutif, serta mentauliahkan kakitangan kritikal syarikat pelaburannya bagi memastikan kekuatan Lembaga Pengarah masing-masing. Di samping itu, Tun Arifin turut menerajui dan membimbing PNB dalam inisiatif Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). Pada April 2022, PNB melancarkan Rangka Kerja Kelestarian PNB, yang bertujuan untuk menyampaikan manfaat bukan sahaja kepada pihak berkepentingannya tetapi juga untuk pasaran yang lebih luas dan negara.

“Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tun Arifin bagi pihak Lembaga Pengarah dan Warga PNB. Perkhidmatan dan kepimpinan cemerlang beliau sejak dua tahun lalu telah memberikan sumbangan besar kepada pertumbuhan PNB, ASNB, dan Kumpulan Syarikat PNB. Pengalaman luas beliau dalam perkhidmatan awam amat berharga, dan kami berterima kasih atas legasi yang beliau tinggalkan,” kata Ahmad Zulqarnain Onn, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan.

Pelantikan Pengerusi Kumpulan PNB yang baharu akan dibuat oleh YPB dalam masa terdekat.

*- Tamat -*

**Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**